

Asean, China sedia buka zon FTA

ASEAN dan China kelmarin menyatakan kesediaan membuka sektor perkhidmatan masing-masing dalam usaha mewujudkan kawasan dagangan bebas (FTA).

Perjanjian mengenainya akan dimeterai di Cebu, hari ini dengan disaksikan Perdana Menteri China, Wen Jiabao dan 10 pemimpin Asean.

Wen berada di Cebu City bagi menghadiri Sidang Kemuncak Asia Timur (EAS) kedua dan beberapa sidang berkaitan sempena Sidang Kemuncak Asean Ke-12 yang bermula hari ini.

Pegawai berkata, perjanjian mengenai sektor perkhidmatan itu antara butiran akhir yang diteliti Asean dan China sebagai tambahan kepada FTA yang dirancang.

"Kedua-dua pihak juga dijangka menandatangani pelan tindakan bagi kerjasama membabitkan teknologi komunikasi dan maklumat (ICT) serta pertanian," katanya.

Sebelum ini, kerangka perjanjian berhubung kerjasama ekonomi lebih menyeluruh antara Asean dan China dimeterai pada 2002 manakala ka-

wasan perdagangan bebas dua hala akan dilaksanakan mulai 2010.

Tahun lalu, kedua-dua pihak mencapai persetujuan perjanjian perdagangan skim potongan tarif awal ke atas daging, ikan, produk berasaskan susu, sayur, buah dan kacang.

Persepakatan itu membentuk kawasan perdagangan bebas terbesar di dunia membabitkan 1.7 bilion pengguna dengan pengeluaran ekonomi bernilai AS\$2 trilion dan jumlah dagangan dianggar AS\$1.2 trilion.

Menteri Ekonomi Asean yang mula bermesyuarat kelmarin berkata dalam satu kenyataan, perbincangan mengenai perdagangan bebas dengan Korea Selatan berjalan lancar dan dijangka dimuktamadkan menjelang November depan.

"Bagaimanapun, beberapa perbezaan antara Bangkok dan Seoul perlu diselesaikan terlebih dulu, terutama isu Thailand berkeras mahu beras disenaraikan untuk potongan tarif seiring kedudukannya sebagai pengeluar utama makanan ruji masyarakat Asia itu," katanya.

Isnin ini, pemimpin Komuniti Asia

Timur (EAC) akan memeterai perjanjian menggalakkan perdagangan bebas biofuel dan mesin yang menggunakan tenaga alternatif.

Bagaimanapun, kenyataan tersebut, tiada piawai khusus bagi biofuel ditetapkan berikutan kebimbangan beberapa negara anggota berhubung aspek teknikal.

EAS merangkumi 10 negara Asean dan enam rakan dialog iaitu China,

India, Jepun, Korea Selatan, Australia dan New Zealand.

Cadangan untuk mewujudkan perdagangan bebas biofuel turut dimasukkan ke dalam Deklarasi Cebu Mengenai Keselamatan Tenaga Asia Timur yang akan ditandatangani 16 pemimpin EAC.

Di kalangan negara Asean, biofuel sudah menikmati keistimewaan Tarif Keutamaan Berkesan Samarata (CEPT) yang bakal menghapuskan terus tarif antara wilayah menjelang 2010.

Malah, topik biofuel dijangka turut dibincangkan dalam rundingan FTA membabitkan Asean-Jepun dan Asean-Korea Selatan.

Jepun yang mengimport 60 peratus bahan makanan, dilihat berpotensi menjadi antara pasaran utama berikutan pengeluaran pertaniannya yang semakin berkurangan, di samping terikat dengan Protokol Kyoto.

Malaysia, Indonesia, Filipina dan Thailand masing-masing mempunyai program biofuel khusus dan tersenarai di tangga 20 teratas dunia selaku pengeluar bahan mentah biofuel seperti minyak sawit, kelapa dan tebu.

FAKTA NOMBOR

Persepakatan Asean,
China tahun lalu

1.7 bilion

Pengguna terbabit

AS\$1.2t

Anggaran jumlah dagangan